

Segelintir pengusaha lori jadi dalang

Kuala Lumpur : Kegiatan melindungi 'lori kebal' dalam kalangan penguatkuasa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) yang sedang disiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bukan sahaja berlaku di Pulau Pinang malah dipercayai hampir di seluruh negara.

Menurut sumber, aktiviti yang dikatakan telah berlaku sejak sekian lama itu didalangi segelintir pengusaha lori tidak bertanggungjawab yang sanggup membayar sogokan kepada para penguatkuasa bagi mengelak tindakan dan mendapat keuntungan berlipat ganda.

Ujarnya, selain merasuah penguatkuasa JPJ korup, pengusaha lori terbabit turut mengupah tonto untuk menjadi 'mata dan telinga' pemandu 'lori kebal' bagi memantau pergerakan pegawai jabatan berkenaan yang ingin membanteras kegiatan berkenaan.

"Bagaimanapun kegiatan tersebut bukan mudah dibuktikan namun jika pihak SPRM memperoleh semua bukti, lebih ramai penguatkuasa jabatan itu yang akan diambil tindakan," kata sumber.

Sementara itu, Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook dalam sidang akhbar di Senai, Johor hari ini turut mengakui gejala rasuah dalam kalangan anggota penguatkuasa JPJ sudah lama, namun tiada bukti untuk mensabitkan kesalahan mereka.

"Kita tahu amalan melindungi pengusaha lori dalam kalangan penguatkuasa JPJ berlaku, cerita ini sudah lama kita dengar, tapi untuk penguatkuasaan perlukan siasatan rapi dan bukti daripada pihak SPRM," katanya dalam sidang akhbar selepas menyempurnakan Majlis Pelancaran Stesen FedEx di Johor hari ini.

Semalam, seramai 31 individu melibatkan 24 penguatkuasa JPJ Pulau Pinang ditahan reman kerana dipercayai terlibat dengan gejala rasuah.

Sebanyak 24 penguatkuasa JPJ gred 19 hingga 32 itu dipercayai menerima bayaran RM10,00.00 hingga RM32,000.00 secara bulanan sebagai dorongan tidak mengambil tindakan terhadap pemandu lori terlibat selain turut membocorkan maklumat operasi JPJ.

Tambah Anthony, pihaknya yakin SPRM akan menjalankan siasatan dengan telus sebelum membuat apa-apa tangkapan.

"Ketua Pengarah JPJ (Datuk Seri Shaharuddin Khalid) merupakan seorang bekas pegawai SPRM dan saya yakin dengan kredibiliti beliau dalam membersihkan nama JPJ. Kita juga akan mencari kaedah pelaksanaan terbaik untuk memperbaiki operasi Jabatan agar penuh dengan integriti dan efisien," tambahnya.

Dalam pada itu, di Putrajaya, Shaharuddin dalam sidang akhbarannya memberitahu, 24 penguatkuasa JPJ Pulau Pinang yang direman bagi membantu siasatan berhubung kes rasuah melindungi pemandu 'lori kebal' akan ditahan kerja selama dua bulan mengikut Peraturan 43, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Jelasnya, penahanan kerja dengna gaji berbayar itu akan bermula selepas mereka tamat tempoh reman pada 23 April ini dan tindakan berkenaan diambil bagi mengelak proses siasatan membabitkan kes itu terganggu.

"Jika ada dalam kalangan mereka akan dipanggil ke mahkamah kita akan tengok pula peraturan-peraturan lain," katanya sambil menegaskan JPJ tidak akan berkompromi dalam soal integriti

dan akan memberikan kerjasama penuh kepada SPRM dan agensi penguatkuasaan lain untuk melakukan siasatan terhadap anggotanya.

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA | M/S: 3 | 19 APRIL 2019